

1100033034



LI 50 FPE 1 2002



1100033034
Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah dan Jajahan
Bachok Kelantan / Wan Norhayati Wan Abdullah.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

	1100033034	

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semamata-mata **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)**, **KUSTEM** tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN BACHOK
KELANTAN**

OLEH

WAN NORHAYATI BINTI WAN ABDULLAH

Sarjana Muda Sains

(Polisi Awam Dan Sekitaran)

Laporan Latihan Industri diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

(KUSTEM)

2002

1100033034

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN BACHOK
KELANTAN**

OLEH

WAN NORHAYATI BINTI WAN ABDULLAH

Sarjana Muda Sains

(Polisi Awam Dan Sekitaran)

Laporan Latihan Industri diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

(KUSTEM)

2002

1100033034

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang,

Alhamdulillah, Segala puji bagi Allah S.W.T Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam buat kekasih junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para sahabat r.a dan pejuang-pejuang agama. Terlaksana sudah segala usaha yang diamanahkan kepada saya untuk menyiapkan laporan akhir Latihan Industri.

Laporan ini dibuat untuk memenuhi syarat bagi kursus Latihan Industri SOS 4299 di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Kalungan penghargaan teristimewa kepada Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok terutamanya Ketua Jajahan Bachok iaitu Hj. Kamaruddin Bin Hj. Awang di atas kelulusan permohonan untuk menjalani Latihan Industri di organisasi berkenaan. Tidak lupa juga kepada En. Muhamed Bin Mahmood selaku penyelia di Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok di atas segala tunjuk ajar yang diberikan sepanjang menjalani Latihan Industri di organisasi ini amatlah dihargai.

Seterusnya, jutaan terima kasih kepada Dr. Asyraf Bin Ab. Rahman selaku pensyarah dan penyelia dari KUSTEM yang telah banyak memberi perangsang, penyeliaan serta tunjuk ajar yang tidak terhingga sepanjang menjalani Latihan Industri dan seterusnya membantu menyempurnakan laporan akhir Latihan Industri ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok kerana memberi tunjuk ajar dan kerjasama sewaktu menjalani Latihan Industri di organisasi ini. Tidak lupa juga kepada kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan laporan ini.

Penghargaan juga diucapkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan KUSTEM yang terlibat dalam memberi kerjasama untuk mendapatkan maklumat serta menyiapkan surat permohonan penempatan para pelajar ke organisasi yang berkenaan untuk menjalani Latihan Industri. Begitu juga, penghargaan kepada penulis-penulis buku dan majalah yang telah digunakan sepanjang menyiapkan laporan akhir ini.

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	v
RINGKASAN EKSEKUTIF	vii
PENGENALAN	1
BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI	
1.1 Pengenalan	4
1.1.1 Sejarah Ringkas Organisasi	4
1.1.2 Sejarah Ringkas Jajahan Bachok	5
1.2 Maklumat Organisasi	7
1.2.1 Objektif Penubuhan Organisasi	7
1.2.2 Wawasan Organisasi	8
1.2.3 Fungsi Organisasi	8
1.2.4 Strategi Organisasi	8
1.2.5 Struktur Organisasi	9
1.2.6 Piagam Pelanggan Organisasi	9
1.3 Carta Organisasi	18

1.4	Aktiviti Organisasi	19
1.4.1	Bahagian Pentadbiran Am	19
1.4.2	Bahagian Pembangunan	21
1.4.3	Bahagian Pentadbiran Tanah	25
1.5	Kemahiran yang dipelajari	45

BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN

PENYELESAIAN

2.1	Pengenalan	47
2.2	Penemuan Masalah	48
2.2.1	Bahagian Pentadbiran	48
2.2.2	Bahagian Operasi Pejabat	49
2.2.3	Bahagian Kewangan	51
2.3	Analisis Masalah dan Perbincangan Penemuan	52
2.3.1	Cadangan Penyelesaian	52
2.3.2	Pelaksanaan Cadangan dan Impilikasi	55

PENUTUP	58
----------------	-----------

RUJUKAN	61
----------------	-----------

LAMPIRAN	62
-----------------	-----------

SENARAI JADUAL

		Muka surat
Jadual 1	Keluasan Daerah Jajahan Bachok Dan Bilangan Mukim.	5
Jadual 2	Kegunaan Tanah Jajahan Bachok.	6
Jadual 3	Pungutan Cukai Tanah Mengikut Tahun (1999-2000).	28
Jadual 4	Pungutan Cukai Semasa Bagi Tahun 2001.	29
Jadual 5	Pungutan Tunggakan Cukai Tanah Bagi Tahun 2001.	29
Jadual 6	Pungutan Cukai Tanah Semasa dan Tunggakan Bagi tahun 2001.	30
Jadual 7	Laporan Bilangan Permohonan yang didaftar Mengikut Bulan Bagi Tahun 2001.	32
Jadual 8	Permohonan Milik Tanah Mengikut Tahun (1996-2000).	33
Jadual 9	Laporan Kemajuan Permohonan Milik Tanah Mengikut Bulan Bagi Tahun 2001.	34
Jadual 10	Laporan Kemajuan Permohonan Milik Tanah Mengikut Kegunaan Bagi Tahun 2001.	35
Jadual 11	Jumlah Pungutan Royalti Bahan Batu-Batan Mulai Pada Bulan Januari Hingga Disember 2001.	37
Jadual 12	Permohonan Kemajuan Ubah Syarat Bagi Tahun 2001.	38
Jadual 13	Laporan Kemajuan Permohonan Pecah Sempadan, Pecah Bahagian Dan Penyatuan Tanah Bagi Tahun 2001.	39

Jadual 14	Laporan Kemajuan Permohonan Penyerahan Tanah Milik dan Pemberian Milik Tanah Semula Bagi Tahun 2001.	40
Jadual 15	Laporan Permohonan Bagi Kes Mengikut Bulan Bagi Tahun 2001.	43

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaksanaan Kursus SOS 4299 Latihan Industri di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) selari dengan tekad universiti 2002 yang menyatakan di antara matlamat universiti ialah mewujudkan program-program pengajian, penyelidikan, sistem, struktur organisasi, pengurusan sumber tenaga akademik dan pentadbiran agar prestasi keilmuan dan perkhidmatan sentiasa cekap dan bermutu supaya universiti menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang terkehadapan.

Selain itu, Latihan Industri ini juga dapat mempertingkatkan rangkaian kerjasama yang erat antara pelajar dengan pihak kerajaan, industri, badan-badan ikhtisas, komuniti ilmunan dan masyarakat umum. Strategi kerjasama dengan pihak luar antara lain ialah untuk universiti mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam bidang latihan, pendidikan dan pengembangan atau pendidikan yang berterusan.

Di samping itu, Latihan Industri ini juga dapat mendedahkan para pelajar kepada lingkungan pembelajaran yang berbilang dalam konteks wacana selain dapat mendedahkan kepada bakal majikan tentang kemampuan dan potensi bakal graduan fakulti khususnya dan universiti amnya. Ini kerana pelajar bukan

sahaja dapat menunjukkan kebolehan mereka dalam bidang pekerjaan tetapi juga mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduasi kelak.

Seterusnya, Latihan Industri ini juga membantu para pelajar menimba pengalaman serta kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Ini jelas, kemahiran yang diperolehi oleh pelajar sewaktu menjalani Latihan Industri di Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok ialah dapat mengetahui berkenaan dengan dasar-dasar kerajaan Negeri Kelantan berhubung dengan pemilikan tanah dan pembahagian harta pusaka. Bahkan, pelajar turut mendapat kemahiran membuat kertas kerja, mengemaskini data dan kerja-kerja pertadbiran yang lain.

Latihan Industri ini juga membolehkan pelajar mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah dengan realiti alam pekerjaan yang sebenar. Contohnya, kemahiran-kemahiran yang diperolehi sewaktu menjalani Latihan Industri ini bukan sahaja dapat memberi ilmu pengetahuan yang berguna kepada para pelajar tetapi juga mendekatkan diri dengan masyarakat luar seperti mengendalikan program-program kemasyarakatan dan seumpamanya.

Selain itu, Latihan Industri ini bukan sahaja dapat memberi faedah kepada pelajar tetapi juga dapat memberi kesan yang positif kepada organisasi berkenaan. Hal ini dibuktikan dalam mengenalpasti beberapa masalah yang berlaku di organisasi berkenaan. Antaranya, masalah kekurangan kakitangan,

ketidacukupan peralatan pejabat seperti komputer dan persekitaran kerja yang tidak begitu selesa memandangkan keadaan bilik yang agak sempit. Oleh yang demikian, beberapa penemuan kepada masalah tersebut telah dicadangkan bagi mengatasi masalah ini terutamanya untuk memastikan organisasi tersebut berkembang maju menjadi sebuah pusat pentadbiran dan pengurusan yang berprestasi tinggi.

Kesimpulannya, Latihan Industri ini bukan sahaja mampu mendedahkan para pelajar dengan ilmu pengetahuan dalaman semata-mata tetapi juga dapat memberi pendedahan yang begitu meluas terutamanya dalam konteks masyarakat sejagat. Malah, kemampuan para pelajar dalam mengaplikasikan teori yang dipelajari dengan ilmu praktikal ini sudah pasti dapat membuka lembaran baru apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar kelak.